



IKLAN JAWATAN KOSONG TAHUN 2018

1. (a) Jawatan : Pereka Gred B21
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Bakat dan Seni (B)
- (d) Gred Gaji : B21
2. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.; atau
 - (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
 - (e) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - (f) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.; atau
 - (g) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - (h) Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 2 (d), (e), (f) atau (g) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - (i) Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
 - (j) Memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
3. Syarat-Syarat SPM yang perlu calon penuhi :
 - (i) Lulus enam (6) mata pelajaran dengan tiga (3) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian termasuk Bahasa Melayu dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; atau
 - (ii) Lulus enam (6) mata pelajaran dengan tiga (3) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian termasuk Bahasa Melayu dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut.

4. Taraf Jawatan : Kontrak
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.